



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA.BK 306/3/2/12 (43)

Tarikh : 30 Januari 2012
6 Rabiulawal 1433

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PENYIMPANAN DATA/BORANG LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pengisian LNPT secara atas talian boleh dibuat melalui sistem HRMIS. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2011 di bawah perkara 36 (Urusan Penyimpanan Data/Borang LNPT) menjelaskan bahawa bagi LNPT yang dibuat secara manual, Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) hendaklah merekodkan maklumat LNPT ini dalam sistem HRMIS sebagai data sejarah LNPT.

3. Sehubungan dengan itu, bagi agensi yang masih mengguna pakai **borang LNPT** hendaklah memastikan borang LNPT (asal) untuk pegawai **Pengurusan Tertinggi (Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas) dan Perkhidmatan Gunasama** dikemukakan pada **minggu ketiga/keempat April 2012** kepada:-

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 WP Putrajaya
(u/p: Encik Ahmad Faizal bin Abu Hassan)
Tel: 03-8887 8611
E-mel: faizal.hassan@jpa.gov.my

4. Mohon pastikan salinan pendua disimpan di agensi dan **maklumat LNPT telah direkodkan semula dalam sistem HRMIS** oleh Urus Setia PPSM.

5. Besar harapan kami agar hal ini dapat dipanjangkan tanpa gagal kepada semua agensi di bawah tanggungjawab YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kegagalan agensi di bawah Kementerian/Jabatan mengemaskini rekod LNPT dalam sistem HRMIS boleh menjejaskan proses urusan personel dan kemajuan kerjaya penjawat pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JALIL BIN MARZUKI)
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

 03-8885 4022
 03-8889 4266
 jaliilm@jpa.gov.my